Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

Peranan Pelbagai Pihak dalam Menangani Masalah Disiplin Pelajar (perenggan isi)

Semasa _____sekolah guru-guru perlulah melaksanakan tanggungjawabnya _____ penuh minat dan keperibadian yang luhur _____ memastikan kejayaan dalam proses pendidikan. Guru-guru janganlah sekadar melepaskan batuk di tangga dalam proses pendidikan ini.Pelajar-pelajar sukar menerima ilmu dan mencontohi guru yang tidak serius,apatah lagi yang boleh dipertikaikan peribadi dan akhlaknya walaupun dalam perkara yang dianggap remeh,seperti menghisap rokok dan tidak masuk ke kelas untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks yang tidak formal pula ibu bapa perlulah memainkan peranan yang penting _____ mendidik anak-anak mereka. Bayangkanlah konflik jiwa anak-anak jika ibu bapa setiap hari menghantar anak-anak _____ kelas fardu ain tetapi anak mengetahui ibu bapanya tidak pernah sembahyang.Selain itu, ibu bapa tidak pernah menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak baik _____ segi perbuatan,pakaian mahupun dari segi percakapan.Fikirlah wahai ibu bapa sekalian, anak-anak ibarat kain putih jika kita tidak mencorakkan dengan cantik begitulah keadaannya yang berlaku. Masalah disiplin ini bukan sahaja berpunca daripada sistem pendidikan kita sahaja. Banyak sifat negatif berakar umbi daripada pendidikan dalam keluarga, terutamanya keluarga yang porak peranda dengan seribu satu masalah. Kegagalan seperti ini perlu dibedah siasat supaya barah ini tidak terus merebak dan menjadi bertambah serius.

Masyarakat dan persekitaran juga memainkan peranan yang penting dalam menyumbang _____ arah masalah ini.Sikap masyarakat kini yang terlalu mementingkan materialistik dan masing-masing membuat hal sendiri menjadikan penyakit ini bertambah menular.Masyarakat yang berasa itu bukan anak dia,bukan saudara dia, yang menyebabkan kita sukar _____ membendung masalah disiplin _____ kalangan pelajar.

LIVEWORKSHEETS